
RANGKA KERJA PENGUKURAN DAN PENILAIAN PENDIDIKAN KEWANGAN2.0

Menjejaki Kemajuan, Mengubah Masa Hadapan

Ogos 2026



ISI KANDUNGAN

	Halaman
01. Pengenalan	01
02. Penambahbaikan dalam FEME 2.0	02
03. Rangka Kerja FEME	06
04. Pembangunan Papan Pemuka FEN	18
05. Hala Tuju Masa Hadapan	19
06. Rumusan	20

Rangka Kerja Pengukuran dan Penilaian Pendidikan Kewangan (*Financial Education Measurement and Evaluation* - FEME), yang diperkenalkan pada Januari 2024, menyediakan satu pendekatan berstruktur serta berasaskan hasil bagi mengukur dan menilai keberkesanan Program Pendidikan Kewangan (*Financial Education Programmes* - FEPs) yang dilaksanakan oleh Jaringan Pendidikan Kewangan (*Financial Education Network* - FEN).


Rangka kerja ini disediakan untuk kegunaan pendidik kewangan, pereka bentuk program, serta rakan pelaksana Warga FEN. Ia berfungsi sebagai panduan menyeluruh yang merangkumi semua peringkat pelaksana program, iaitu daripada perancangan, pelaksanaan hingga pelaporan. FEME memberi penekanan kepada langkah-langkah praktikal bagi membantu penyedia program membuktikan peningkatan dalam pengetahuan, tingkah laku dan sikap peserta, serta memastikan bukti pelaksanaan program dapat menyokong penggubalan dasar kebangsaan dan keputusan pengagihan sumber secara berkesan dan bermakna.

Nota: Dokumen ini dianggap sebagai dokumen yang sentiasa dikemas kini, bertujuan mencerminkan perubahan persekitaran dan kerentanan baharu yang muncul.

PENAMBAHBAIKAN DALAM FEME 2.0

Penambahbaikan utama dalam edisi ini terletak pada penajarannya dengan [Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan Malaysia 2026-2030](#) (*National Strategy for Financial Literacy - NS2.0*) yang diterbitkan pada Oktober 2025. NS2.0 bertujuan memperkasakan rakyat Malaysia daripada segenap lapisan masyarakat agar dapat mendepani persekitaran kewangan masa kini dengan yakin dan berkemahiran.

Secara khusus, NS2.0 memberi tumpuan kepada usaha membantu rakyat menguruskan hutang dan risiko kewangan dengan lebih berkesan, membina daya tahan kewangan bagi menghadapi situasi yang tidak dijangka, menggalakkan penggunaan perkhidmatan kewangan digital secara selamat dan bermaklumat, serta menyokong golongan mudah terjejas agar mendapat peluang yang saksama.



Berbeza dengan Rangka Kerja FEME terdahulu yang berlandaskan Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019-2023, NS2.0 memperkenalkan Fokus Strategik yang diperbaharui bagi menangani jurang semasa pengguna serta cabaran baharu yang dikenal pasti melalui [Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan dari Segi Permintaan \(Financial Capability and Inclusion Demand Side Survey, FCI Survey 2024\)](#). Strategi ini turut memperkenalkan Penunjuk Utama dan Sasaran sebagai mekanisme untuk memantau kemajuan yang dicapai negara. Penunjuk-penunjuk ini berfungsi sebagai penanda aras pencapaian negara dan memberikan hala tuju yang jelas kepada pelaksanaan program pendidikan kewangan. Dengan pengintegrasian penunjuk tersebut, FEME 2.0 memastikan intervensi di peringkat akar umbi menyumbang secara bermakna kepada pencapaian matlamat kebangsaan dalam memperkukuh daya tahan kewangan, keterangkuman serta kesejahteraan kewangan merentasi segenap lapisan masyarakat.


Penambahbaikan Utama kepada Kerangka

Secara khusus, edisi ini memperkenalkan beberapa penambahbaikan utama:

1. Penyelarasan langsung dengan Fokus Strategik Kebangsaan

NS2.0 menetapkan satu set Fokus Strategik yang diperbaharui bagi menangani jurang semasa pengguna serta corak tingkah laku yang dikenal pasti melalui Kajian FCI 2024. Sehubungan itu, FEME 2.0 dirangka secara khusus supaya selaras dengan Fokus Strategik tersebut, agar hasil yang dicapai di peringkat program dapat menyumbang secara langsung kepada sasaran kebangsaan.

Rajah 1 : Penyelarasan Hasil Strategik FEME 1.0 dengan Fokus Strategik NS2.0



2. Penyelarasan Soalan Penilaian dengan Penunjuk Kebangsaan

Di samping itu, soalan penilaian yang sepadan dengan **Penunjuk Utama dan Sasaran NS2.0** serta **Indeks MYFLIC daripada FCI Survey 2024** ditetapkan sebagai **Soalan Teras**. Penetapan ini mewujudkan satu asas bukti yang seragam dan konsisten merentasi keseluruhan ekosistem FEN. Sebagai pelengkap, **Soalan Pilihan** turut disediakan bagi memberi ruang dan fleksibiliti kepada pemilik program untuk menilai bidang tumpuan yang khusus mengikut objektif masing-masing, tanpa menjejaskan kebolehbandingan dapatan dari semasa ke semasa.


Rajah 2: Petunjuk Utama dan Sasaran NS2.0 bagi Tahun 2030

Penunjuk Utama dan Sasaran bagi Tahun 2030

	Garis Asas (2024)	Sasaran (2030)
Literasi kewangan keseluruhan		
Skor Literasi Kewangan Dewasa OECD/INFE <i>Menilai tahap literasi kewangan dalam kalangan orang dewasa merentasi pelbagai negara, serta membantu dalam memahami secara menyeluruh tahap literasi kewangan mengikut rantau dan konteks ekonomi yang berbeza</i>	Kuartil kedua tertinggi dalam kedudukan OECD/INFE	Meningkat ke kuartil tertinggi dalam kedudukan OECD/INFE
Indeks Celik dan Keupayaan Kewangan Malaysia (MYFLIC) <i>Dirangka berdasarkan Kaji Selidik FCI, serta menilai tahap keupayaan kewangan rakyat Malaysia yang meliputi komponen pengetahuan, tingkah laku dan sikap kewangan</i>	59.1	≥65
Fokus Strategik 1: Menggalakkan perancangan kewangan yang berhemat dan persediaan untuk persaraan		
% rakyat Malaysia yang mengutamakan perancangan kewangan jangka panjang berbanding kepuasan/kehendak jangka pendek	49.8	≥60
% rakyat Malaysia yang bimbang mengenai keupayaan menampung perbelanjaan semasa usia emas	31	≤20
% rakyat Malaysia yang mengamalkan perancangan kewangan awal untuk perbelanjaan yang telah dijangka	Penunjuk baharu; sasaran akan ditetapkan pada tahun 2027	
Fokus Strategik 2: Memupuk pengurusan hutang yang bijak dan bertanggungjawab		
% rakyat Malaysia yang berasa mereka menanggung hutang yang berlebihan	26	≤15
% peminjam isi rumah dengan nisbah khidmat hutang (<i>debt service ratio, DSR</i>) ≥60% ⁴	20.5	≤20
Fokus Strategik 3: Menjamin masa depan kewangan dengan langkah perlindungan risiko		
% rakyat Malaysia yang mampu menampung perbelanjaan sara hidup (sekurang-kurangnya selama tiga bulan) apabila berdepan dengan peristiwa tidak dijangka	37	≥45
% rakyat Malaysia yang menghadapi kesukaran untuk menyediakan dana kecemasan sebanyak RM1,000	61	≤45
Indeks mengenai produk dan perkhidmatan kewangan adalah mencukupi, boleh dipercayai dan mudah difahami	53.6	≥65
Fokus Strategik 4: Menggalakkan penggunaan perkhidmatan kewangan digital secara selamat, yakin dan bermakna		
Indeks literasi kewangan digital	42.2	≥55
% rakyat Malaysia yang berkongsi kata laluan dan/atau PIN akaun bank dengan kawan rapat	15	≤10
% rakyat Malaysia yang memberikan perhatian pada keselamatan laman sesawang sebelum membuat transaksi dalam talian	39	≥60
Fokus Strategik 5: Mendorong pelaburan bagi menjana kekayaan		
Indeks literasi pasaran modal	Penunjuk baharu; sasaran akan ditetapkan pada tahun 2027	

Sumber: OECD/INFE 2023, Kaji Selidik FCI 2024 dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Rajah 3: Indeks MYFLIC - Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan dari Segi Permintaan



Rangka Kerja ini terus diselaraskan dengan [Kompetensi Teras Literasi Kewangan](#) bagi memastikan instrumen penilaian yang digunakan dapat mengekalkan kesinambungan trend serta menjejak kemajuan secara bermakna dari semasa ke semasa.

Pendekatan bersepadu ini mengukuhkan keseragaman antara pengukuran di peringkat program dengan laporan di peringkat kebangsaan. Ia memastikan dapatan yang dijana di peringkat mikro dapat disalurkan secara langsung ke dalam naratif kemajuan yang lebih menyeluruh di bawah NS2.0, sekali gus membolehkan pelaksanaan intervensi yang lebih bersasar serta penilaian yang lebih jelas terhadap sumbangan usaha pendidikan kewangan dalam mencapai Fokus strategik negara.




RANGKA KERJA FEME

Mengapakah Penilaian dan Pengukuran Program Pendidikan Kewangan Penting?

1. Semakin jelas bahawa banyak FEPs masih terus menumpukan kepada output, seperti bilangan peserta dan jumlah aktiviti yang dilaksanakan, dan sering meletakkan penekanan yang lebih rendah terhadap hasil sebenar yang ingin dicapai. Walaupun aspek capaian dan liputan topik kekal penting, pendekatan yang berfokuskan output semata-mata cenderung mengabaikan objektif teras pendidikan kewangan, iaitu memperkukuh pengetahuan serta membentuk perubahan tingkah laku dan sikap kewangan yang bermakna dan berkekalan
2. Penilaian yang kukuh dapat mempertingkatkan keberkesanan serta kredibiliti program. Ia membantu penyedia program memfokuskan kandungan yang paling relevan kepada peserta, menyesuaikan kaedah penyampaian mengikut segmen sasaran tertentu, serta menunjukkan dengan jelas bagaimana sumber perlu diagihkan secara berkesan. Pengukuran yang berterusan juga memperkukuh akauntabiliti kepada pihak berkepentingan dan mengekalkan kepercayaan orang awam. Lebih penting lagi, dapatan di peringkat program dapat menyumbang kepada pelaporan di peringkat kebangsaan, sekali gus membolehkan gambaran menyeluruh tentang kemajuan literasi kewangan negara.

Rajah 4: Objektif Penilaian



3. Pendekatan berulang ini akhirnya membawa kepada tahap penglibatan, penyertaan dan hasil yang lebih baik, sekali gus mewujudkan pengalaman pendidikan kewangan yang lebih inklusif dan berimpak. Pendekatan ini juga membantu membina kepercayaan serta meningkatkan kredibiliti program pendidikan kewangan, dengan memastikan pelaksanaannya selaras dengan objektif yang ditetapkan dan memenuhi keperluan kumpulan sasaran.




Gambaran Keseluruhan Rangka Kerja

Pada terasnya, FEME menerapkan model logik berasaskan hasil. Pendidik perlu menyatakan secara jelas perubahan yang ingin dicapai, iaitu bagaimana input dan aktiviti program menghasilkan output, yang seterusnya membawa kepada hasil jangka pendek (pengetahuan dan kecekapan sendiri), hasil perantaraan (tingkah laku dan sikap), serta hasil jangka panjang (daya tahan dan kesejahteraan kewangan).

Rangka kerja ini menggabungkan bukti kuantitatif, seperti penilaian pra dan pasca program, dengan dapatan kualitatif, termasuk maklum balas terbuka, temu bual dan perbincangan kumpulan fokus, bagi memberikan gambaran impak program yang menyeluruh dan seimbang.

Rajah 5: Gambaran Keseluruhan Rangka Kerja FEME



Penggunaan Rangka Kerja FEME: Panduan Tiga Fasa

FEME menyediakan satu rangka kerja pengukuran yang berstruktur bagi memperkasa pendidik kewangan supaya kekal fokus kepada hasil yang ingin dicapai serta mendorong kemajuan yang bermakna. Rangka kerja ini distrukturkan kepada tiga (3) fasa utama yang membimbing keseluruhan proses penilaian secara menyeluruh, daripada peringkat permulaan hingga pelaporan akhir.

Rajah 6: Penggunaan Rangka Kerja FEME – Panduan Tiga Fasa

Fasa 1

Perancangan oleh Warga FEN

- *Menyelaskan objektif program dengan Fokus Strategik*
- *Menentukan pertimbangan prasyarat*
- *Menentukan soalan penilaian*
- *Mempertimbangkan faktor-faktor untuk pelaksanaan yang berjaya*

Fasa 2

Pelaksanaan oleh Warga FEN

- *Melaksanakan program dan mengumpul data daripada peserta*
- *Kualiti dan kebolehpercayaan data*
- *Analisis dan interpretasi data*
- *Hantar kepada Pejabat Koordinasi Kebangsaan Jaringan Pendidikan Kewangan (FENNCO)*

Fasa 3

Perkongsian Hasil oleh FENNCO

- *Menganalisis impak kolektif Program FE*
- *Mengenal pasti kelebihan dan jurang untuk menambah baik Program FE*
- *Berkongsi pandangan dengan Warga FEN*

Fasa 1 - Perancangan oleh Warga FEN^[1]

Penjajaran Objektif Program dengan Fokus Strategik

1. Mengambil kira kepelbagaian matlamat dan objektif dalam pelbagai program pendidikan kewangan, adalah penting pada peringkat awal ini bagi penyedia pendidikan kewangan untuk **menilai secara teliti dan menyelaraskan objektif program masing-masing dengan sekurang-kurangnya satu (1) Fokus Strategik (SP) yang digariskan di bawah Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2026-2030 (NS2.0)**
 - SP1: Menggalakkan perancangan kewangan berhemat dan persediaan untuk persaraan
 - SP2: Memupuk pengurusan hutang yang bijak dan bertanggungjawab
 - SP3: Menjamin masa depan kewangan melalui langkah perlindungan risiko
 - SP4: Menggalakkan penggunaan perkhidmatan kewangan digital secara selamat, yakin dan bermakna
 - SP5: Mendorong pelaburan bagi menjana kekayaan
2. Penyedia pendidikan kewangan boleh menapis lajur *Fokus Strategik* dalam [Pangkalan Data Soalan FEME](#) dan memilih Fokus Strategik yang dikehendaki (Rajah 7). Perlu diambil perhatian bahawa sesuatu program pendidikan kewangan boleh menyokong lebih daripada satu Fokus Strategik. Sebagai contoh, objektif Program **InvestSmart** yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia menyokong Fokus Strategik 4, iaitu menggalakkan penggunaan perkhidmatan kewangan digital secara selamat, yakin dan bermakna, serta Fokus Strategik 5, iaitu mendorong pelaburan bagi menjana kekayaan.

Rajah 7 : Pemilihan Fokus Strategik

Fokus Strategik	No. soalan	Bidang Penilaian	Kumpulan Sasaran	Jenis Soalan	Komponen	Sub-komponen
SP1- Mempromosikan perancangan kewangan yang bijak dan persediaan untuk persaraan	SP1_C1	Pengetahuan	Dewasa	Teras	Literasi dan numerasi	Faedah tambah prinsipal

^[1]Warga FEN terdiri daripada Ahli FEN, Ahli Bersekutu, Rakan Kerjasama, dan Rakan Komuniti

Menentukan Pertimbangan Pra-syarat

1. **Kumpulan Sasaran** – Penapisan soalan hendaklah dibuat berdasarkan kumpulan sasaran program (Rajah 8), sama ada kanak-kanak (berumur sehingga 14 tahun) atau dewasa (termasuk belia berumur 15 tahun dan ke atas^[2]).

Rajah 8 : Pemilihan Kumpulan Sasaran

Fokus Strategik	No. soalan	Bidang Penilaian	Kumpulan Sasaran	Jenis Soalan	Komponen	Sub-komponen
SP1- Mempromosikan perancangan kewangan yang bijak dan persediaan untuk persaraan	SP1_C1	Pengetahuan	Dewasa	Teras	Literasi dan numerasi	Faedah tambah prinsipal

2. Jenis Soalan - Kenal pasti **Soalan Teras** yang berkaitan dengan program pendidikan kewangan (Rajah 9). Soalan Teras ialah soalan yang wajib dimasukkan dalam penilaian bagi setiap Fokus Strategik yang telah dikenal pasti.

Sekiranya sesuatu program pendidikan kewangan tidak merangkumi Soalan Teras yang berkaitan, penyedia pendidikan kewangan hendaklah menambah baik kandungan program tersebut dengan memasukkan bidang-bidang penting ini. Langkah ini bertujuan memastikan program pendidikan kewangan sejajar dengan elemen yang diperlukan untuk mencapai Fokus Strategik yang disasarkan.

Rajah 9 : Pemilihan Jenis Soalan

Fokus Strategik	No. soalan	Bidang Penilaian	Kumpulan Sasaran	Jenis Soalan	Komponen	Sub-komponen
SP1- Mempromosikan perancangan kewangan yang bijak dan persediaan untuk persaraan	SP1_C1	Pengetahuan	Dewasa	Teras	Literasi dan numerasi	Faedah tambah prinsipal

3. Pilih Soalan Pilihan bagi melengkapkan Soalan Teras yang dipilih, berdasarkan kesesuaian dengan skop dan liputan program pendidikan kewangan tersebut.

^[2] Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), penduduk usia bekerja merujuk kepada individu yang berumur antara 15 hingga 64 tahun (dikira berdasarkan umur genap pada hari lahir terakhir) dalam minggu rujukan, dan yang sama ada berada dalam tenaga buruh atau di luar tenaga buruh. Sementara itu, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mendefinisikan belia sebagai individu yang berumur antara 15 hingga 24 tahun.

Menentukan Soalan Penilaian

Prinsip panduan dalam pemilihan soalan penilaian daripada Pangkalan Data Soalan FEME adalah seperti berikut:

1. **Bagi program pendidikan kewangan jangka pendek** (kurang daripada satu minggu atau program sekali sahaja), penyedia program hendaklah memilih: **(i) soalan pra-program** yang merangkumi Soalan Teras dan Soalan Pilihan (jika berkenaan) dan **(ii) soalan pasca-program** yang merangkumi Soalan Teras dan Soalan Pilihan (jika berkenaan), seperti yang digambarkan dalam Rajah 10(a). Pendekatan ini membolehkan pengukuran perubahan dalam **pengetahuan** peserta, serta peralihan dalam **niat tingkah laku** atau sikap mereka selepas program dilaksanakan.

Rajah 12 (a): Program Pendidikan Kewangan Jangka Pendek

Soalan Pra-program (sebelum program)	Soalan Pasca-program (serta-merta selepas program)	Soalan Pasca-program Jangka Panjang (sekurang-kurangnya 3 bulan selepas program)
Saya menyimpan RM1,000 di dalam bank dengan kadar faedah/keuntungan 5% setahun. Saya tidak membuat sebarang bayaran tambahan ke dalam akaun ini dan saya tidak mengeluarkan sebarang wang. Selepas setahun, jumlah simpanan saya beserta faedah/keuntungan adalah RM1,050.	Saya menyimpan RM1,000 di dalam bank dengan kadar faedah/keuntungan 5% setahun. Saya tidak membuat sebarang bayaran tambahan ke dalam akaun ini dan saya tidak mengeluarkan sebarang wang. Selepas setahun, jumlah simpanan saya beserta faedah/keuntungan adalah RM1,050.	Saya menyimpan RM1,000 di dalam bank dengan kadar faedah/keuntungan 5% setahun. Saya tidak membuat sebarang bayaran tambahan ke dalam akaun ini dan saya tidak mengeluarkan sebarang wang. Selepas setahun, jumlah simpanan saya beserta faedah/keuntungan adalah RM1,050.
a) Betul b) Salah c) Tidak pasti	a) Betul b) Salah c) Tidak pasti	a) Betul b) Salah c) Tidak pasti

2. Sekiranya sesuatu program bertujuan menilai kumpulan peserta yang sama dalam tempoh masa yang lebih panjang, penyedia program hendaklah memilih **(i) soalan pra-program** yang merangkumi Soalan Teras dan Soalan Pilihan (jika berkenaan), **(ii) Soalan pasca-program** yang merangkumi Soalan Teras dan Soalan Pilihan (jika berkenaan), dan **(iii) Soalan pasca-program** jangka panjang yang merangkumi Soalan Teras dan Soalan Pilihan (jika berkenaan), seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 12(b). Pendekatan ini membolehkan pengukuran perubahan dalam pengetahuan peserta, di samping menilai perubahan sebenar dari segi tingkah laku atau sikap yang ditunjukkan oleh peserta selepas program dilaksanakan.

Rajah 12 (b): Program Pendidikan Kewangan Jangka Panjang

Soalan Pra-program (sebelum program)	Soalan Pasca-program (serta-merta selepas program)	Soalan Pasca-program Jangka Panjang (sekurang-kurangnya 3 bulan selepas program)
Saya menyimpan RM1,000 di dalam bank dengan kadar faedah/keuntungan 5% setahun. Saya tidak membuat sebarang bayaran tambahan ke dalam akaun ini dan saya tidak mengeluarkan sebarang wang. Selepas setahun, jumlah simpanan saya beserta faedah/keuntungan adalah RM1,050.	Saya menyimpan RM1,000 di dalam bank dengan kadar faedah/keuntungan 5% setahun. Saya tidak membuat sebarang bayaran tambahan ke dalam akaun ini dan saya tidak mengeluarkan sebarang wang. Selepas setahun, jumlah simpanan saya beserta faedah/keuntungan adalah RM1,050.	Saya menyimpan RM1,000 di dalam bank dengan kadar faedah/keuntungan 5% setahun. Saya tidak membuat sebarang bayaran tambahan ke dalam akaun ini dan saya tidak mengeluarkan sebarang wang. Selepas setahun, jumlah simpanan saya beserta faedah/keuntungan adalah RM1,050.
a) Betul b) Salah c) Tidak pasti	a) Betul b) Salah c) Tidak pasti	a) Betul b) Salah c) Tidak pasti

Mengenal Pasti Faktor bagi Pelaksanaan yang Berjaya

1. Bagi memaksimumkan manfaat penilaian, pertimbangan berkaitan penilaian hendaklah diintegrasikan sejak peringkat awal pembangunan program pendidikan kewangan. Langkah pertama melibatkan penetapan Teori Perubahan (*Theory of Change*, TOC) program secara jelas, yang menerangkan aktiviti yang dirancang serta perubahan yang dijangkakan dalam pengetahuan, tingkah laku dan sikap peserta. Alat seperti model logik, yang memetakan input, aktiviti, output, hasil dan impak, membantu menjelaskan komponen-komponen ini serta memperincikan andaian asas yang mendasarinya.
2. Pembangunan TOC merupakan satu proses yang berulang dan berterusan. Melalui semakan dan penambahbaikan TOC secara berkala, organisasi dapat memahami dengan lebih baik hubungan sebab dan akibat, mengambil iktibar daripada pengalaman pelaksanaan, serta menambah baik perancangan, pelaksanaan dan penilaian program dari semasa ke semasa. Oleh itu, TOC yang dibangunkan dengan baik menyediakan asas yang kukuh dan berstruktur untuk menerangkan rasional reka bentuk program serta hasil yang ingin dicapai.
3. Penyedia pendidikan kewangan juga berkemungkinan menghadapi beberapa cabaran semasa pelaksanaan FEME. Mengenal pasti kekangan yang berpotensi sejak peringkat awal, serta tindakan proaktif untuk menanganinya semasa fasa perancangan, dapat meningkatkan kualiti dan keberkesanan penilaian dengan ketara. Antara cabaran utama yang lazim dikenal pasti termasuk:

(i) Kekangan Sumber

Kekangan ini merangkumi had dari segi tenaga kerja, peruntukan kewangan, serta infrastruktur atau teknologi yang diperlukan bagi menyokong aktiviti pengukuran dan penilaian. Proses menjejak peserta, khususnya bagi program pendidikan kewangan jangka panjang, boleh menjadi mencabar kerana memerlukan kakitangan khusus dan masa yang mencukupi. Selain itu, mengekalkan penglibatan peserta untuk penilaian susulan sering menjadi halangan utama. Strategi seperti komunikasi berterusan, pemberian insentif yang bersesuaian dan penggunaan sistem penjejakan peserta yang berkesan dapat membantu meningkatkan penglibatan serta kadar respons penilaian susulan.

(ii) Akses kepada Data yang Tepat dan Lengkap

Pemerolehan maklumat demografi dan data respons yang boleh dipercayai adalah penting bagi memastikan penilaian yang bermakna. Data yang tidak lengkap atau tidak tepat akan menjejaskan kualiti dapatan dan mengurangkan keupayaan untuk menilai keberkesanan program. Isu ini boleh diatasi melalui penetapan prosedur pengumpulan data yang jelas serta amalan perekodan data yang konsisten.

(iii) Kerjasama dan Penglibatan Pihak Berkepentingan

Pelaksanaan FEME yang berkesan bergantung kepada sokongan aktif daripada peserta, organisasi rakan strategik serta pihak berkepentingan lain. Penglibatan pihak berkepentingan sejak peringkat awal, komunikasi yang jelas mengenai keperluan data, serta komitmen terhadap perkongsian data dan penyertaan dalam aktiviti penilaian merupakan antara faktor utama bagi mengatasi cabaran berkaitan kerjasama.

4. Dengan menjangka dan menangani cabaran-cabaran ini pada peringkat perancangan, penyedia pendidikan kewangan dapat meningkatkan keberkesanan pelaksanaan FEME dengan ketara. Pendekatan yang proaktif ini akan menghasilkan dapatan penilaian yang lebih kukuh, boleh dipercayai dan bermakna, seterusnya memperkukuh impak keseluruhan program pendidikan kewangan.

Fasa 2 - Pelaksanaan oleh Warga FEN

Pelaksanaan Program dan Pengumpulan Data Peserta

1. Semasa fasa pelaksanaan, penyedia pendidikan kewangan hendaklah melaksanakan pengumpulan data peserta selaras dengan:
 - (a) kriteria yang telah ditetapkan semasa Fasa 1 (Perancangan); dan
 - (b) Parameter persampelan demografi yang ditetapkan, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 13

Rajah 13 : Sampel Demografi

Kumpulan Umur (Bolehkah anda beritahu umur anda pada hari lahir yang terakhir?)	Lokasi/ Negeri Rekod (Senarai Negeri)	Tahap Pendidikan Apakah kelayakan akademik tertinggi yang telah anda tamatkan?
14 tahun dan ke bawah	Johor	Pascasiswazah (Sarjana / PHD)
15 - 17 tahun	Kedah	Universiti / Kolej (Ijazah / Kelayakan Profesional)
18 - 29 tahun	Kelantan	Pendidikan vokasional teknikal selepas sekolah menengah
30 - 39 tahun	Melaka	Tamat sekolah menengah (Menengah atas)
40 - 49 tahun	Negeri Sembilan	Sebahagian sekolah menengah (Menengah Rendah)
50 - 59 tahun	Pahang	Tamat sekolah rendah
60 - 69 tahun	Pulau Pinang	Sebahagian sekolah rendah
70 tahun dan ke atas	Perak	Tiada pendidikan formal
	Perlis	Tidak tahu/ enggan / tidak berkenaan
	Sabah	

2. Data dikumpulkan secara sistematik daripada peserta, merangkumi kedua-dua data kuantitatif, seperti penilaian pra dan pasca program pendidikan kewangan, serta dapatan kualitatif, seperti temu bual, perbincangan kumpulan fokus dan respons soal selidik berbentuk soalan terbuka. Penyedia pendidikan kewangan digalakkan untuk memanfaatkan teknologi dan penyelesaian digital—contohnya *Microsoft Forms* atau platform pendigitalan lain—bagi memperkemas proses pengumpulan data, meminimumkan kesilapan manusia dan meningkatkan kecekapan pengurusan data.

Kualiti dan Kebolehpercayaan Data

Semua data hendaklah disemak secara menyeluruh dari segi **ketepatan, kelengkapan dan keseragaman**. Sebarang data yang tidak lengkap atau tidak tepat perlu dikenal pasti dan diperbetulkan dengan segera bagi mengekalkan integriti dan kebolehpercayaan set data. Bagi memastikan kebolehbandingan dan konsistensi antara semua penyerahan data, Pejabat Koordinasi Kebangsaan Jaringan Pendidikan Kewangan (Financial Education Network National Coordination Office - FENNCO) hanya akan menyemak dan menganalisis set data yang lengkap, khususnya set data yang mengandungi maklumat **penilaian pra dan pasca program**. Sebagai sebahagian daripada penambahbaikan yang diperkenalkan melalui rangka kerja FEME, penyedia pendidikan kewangan diwajibkan untuk menetapkan **pengenalan unik bagi setiap peserta semasa pengumpulan data**. Langkah ini membolehkan pemadanan yang tepat antara respons pra, pasca dan (jika berkaitan) pasca jangka panjang bagi setiap peserta, seterusnya memastikan penjejakan perubahan yang lebih tepat dari semasa ke semasa serta mengurangkan kesilapan semasa proses analisis.

Analisis dan Interpretasi Data

Laksanakan analisis dan interpretasi yang menyeluruh terhadap data yang dikumpulkan. Kedua-dua maklumat kuantitatif dan kualitatif hendaklah dianalisis bagi mengenal pasti corak, trend serta dapatan utama. Analisis ini membolehkan pihak berkepentingan menilai keberkesanan program pendidikan kewangan, menilai kemajuan peserta, serta memahami impak keseluruhan program.

Penyerahan kepada FENNCO

Set data yang telah lengkap hendaklah dikemukakan kepada FENNCO. [Borang Penyerahan FEME](#) disediakan sebagai panduan bagi menerangkan struktur data dan format pelaporan yang diperlukan. Fail yang lengkap hendaklah dinamakan mengikut konvensyen berikut:

[Penyedia Pendidikan Kewangan]_Borang Penyerahan FEME

Contoh: EPF_Borang Penyerahan FEME

- Semua penyerahan yang telah lengkap hendaklah dihantar melalui emel kepada FENNCO di alamat fennco@bnm.gov.my, dengan subjek emel seperti berikut:

[Penyedia Pendidikan Kewangan]_Borang Penyerahan FEME

Contoh: EPF_Borang Penyerahan FEME

Penyerahan data hendaklah dibuat dalam tempoh dua (2) minggu selepas program pendidikan kewangan berakhir.

Fasa 3 - Perkongsian Hasil oleh FENNCO

1. Dalam fasa ini, FENNCO akan menilai keberkesanan dan hasil keseluruhan program pendidikan kewangan berdasarkan semakan terhadap data dan bukti yang dikemukakan oleh setiap penyedia pendidikan kewangan. Penilaian ini merangkumi:
 - (a) Mengenal pasti **kekuatan dan elemen positif** program pendidikan kewangan dalam pelaksanaan yang menyumbang kepada impak yang bermakna. Komponen yang berjaya ini boleh dijadikan contoh amalan baik serta berpotensi untuk diperluas atau disesuaikan bagi pelaksanaan program pendidikan kewangan yang lain.
 - (b) Mengenal pasti **aspek yang memerlukan penambahbaikan** melalui analisis maklum balas peserta, dapatan soal selidik atau temu bual, serta tahap keselarasan antara hasil program dengan objektif yang ditetapkan. Analisis ini membantu mengenal pasti penambahbaikan khusus yang diperlukan sama ada dari segi reka bentuk atau penyampaian program.
2. Berdasarkan dapatan ini, FENNCO akan merangka serta mencadangkan strategi berasaskan amalan terbaik dan pengajaran yang diperoleh daripada pelaksanaan program. Cadangan ini seterusnya akan dikongsi bersama warga FEN bagi menyokong penambahbaikan berterusan dan memperkukuh keberkesanan pelaksanaan program pendidikan kewangan pada masa hadapan.



Pembangunan Papan Pemuka FEN



Bagi memperkuat lagi ekosistem pengukuran di peringkat kebangsaan, FEN sedang membangunkan sebuah papan pemuka digital berpusat bagi memudahkan proses penyerahan data, pengumpulan data dan pelaporan secara lancar dan sistematik. Papan pemuka ini disasarkan untuk siap sepenuhnya pada tahun 2026, dan akan berfungsi untuk

- Menyeragamkan pelaporan merentas semua inisiatif pendidikan kewangan, sekali gus memastikan konsistensi dan kebolehbandingan data.
- Membolehkan penjejakan hampir masa nyata prestasi program dan hasil yang dicapai oleh peserta
- Menghubungkan hasil di peringkat program dengan Penunjuk Utama NS2.0, bagi mengukuhkan penyelarasan dengan keutamaan kebangsaan.
- Menyediakan analisis perbandingan dan penanda aras merentas pihak berkepentingan, bagi menyokong pembuatan keputusan berasaskan bukti serta penambahbaikan berterusan.

Setelah dilancarkan, papan pemuka ini akan diintegrasikan secara rasmi ke dalam Rangka Kerja FEME, berserta protokol penggunaan dan panduan pelaksanaan yang terperinci, bagi memastikan penerimaan yang lancar serta pelaksanaan yang konsisten oleh semua pihak terlibat.

Hala Tuju Masa Hadapan

Rangka Kerja FEME akan terus berkembang bagi memastikan ia kekal responsif, adaptif dan berimpak tinggi. Antara hala tuju utama pada masa hadapan termasuk:

1. **Integrasi Digital** – Penerimaan sepenuhnya Papan Pemuka FEN bagi menyokong penilaian yang diseragamkan, penyerahan data yang lebih cekap serta pelaporan menyeluruh di peringkat kebangsaan.
2. **Semakan Pertengahan Tempoh** – Rangka Kerja FEME akan disemak sejajar dengan pelaksanaan NS2.0 bagi memastikan penjajaran yang berterusan dengan matlamat literasi kewangan negara serta keupayaan untuk bertindak balas terhadap keperluan dan cabaran baharu yang muncul.
3. **Pembangunan Keupayaan dan Perkongsian Pengetahuan** – Latihan yang diperluas serta penggunaan papan pemuka sebagai hab pengetahuan akan memperkasa pelaksana program untuk mengguna pakai FEME secara konsisten dan memanfaatkan perkongsian amalan terbaik.



Melalui hala tuju yang berpandangan ke hadapan ini, FEME bukan sahaja akan berfungsi sebagai rangka kerja pengukuran, malah sebagai pemangkin kepada penambahbaikan berterusan, kerjasama strategik dan pengukuhan akauntabiliti merentas ekosistem pendidikan kewangan Malaysia



Kesimpulan

Rangka Kerja FEME kekal sebagai tonggak utama dalam penilaian pendidikan kewangan di Malaysia. Edisi yang dipertingkatkan ini—yang kini selaras dengan NS2.0—kekal relevan melalui pengintegrasian Fokus Strategik, Penunjuk Utama serta kemajuan pendigitalan.

Dengan pelaksanaan Papan Pemuka FEN dan penekanan yang lebih terhadap penambahbaikan berterusan, FEME berada pada kedudukan yang kukuh untuk memacu kemajuan yang boleh diukur serta menyokong aspirasi Malaysia ke arah sebuah negara yang berdaya tahan, inklusif dan berkeupayaan dari segi kewangan menjelang tahun 2030.





**PEJABAT KOORDINASI KEBANGSAAN
JARINGAN PENDIDIKAN KEWANGAN**

Aras 4, Podium Bangunan AICB, No.10, Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur, Malaysia.

www.fenetwork.my